

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025
PERINGKAT ZON UTARA**

**KINTA RIVERFRONT HOTEL & SUITES, IPOH
26 FEBRUARI 2025**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

Hadirin yang dihormati,

1. Alhamdullilah, segala Puji Bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Zon Utara**.
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada pihak Jabatan Pembangunan Wanita atas kejayaan menganjurkan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Utara.

(B) SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025

Hadirin yang saya muliakan,

3. Pada 8 Mac setiap tahun, Hari Wanita akan disambut di seluruh dunia dengan pelbagai pengisian program bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf kejayaan yang diperoleh golongan wanita di seluruh negara tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi sekalipun politik.

4. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menyahut seruan antarabangsa dengan menganjurkan Sambutan Hari Wanita setiap tahun bagi menyebarluaskan pengetahuan tentang cabaran yang dihadapi wanita hari ini, di samping membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan kepentingan gender menjadi keutamaan dalam perancangan dan pembangunan negara.
5. Bagi tahun 2025, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memilih **tema “Wanita Beraspirasi, Membina Legasi”** yang memberi aspirasi agar lebih banyak usaha diambil untuk membuka ruang kepada hak, kuasa dan peluang yang sama rata serta mewujudkan masa hadapan yang lebih inklusif.

(C) SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2025 PERINGKAT ZON UTARA

Hadirin sekalian,

6. Bagi tahun ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) buat julung kalinya mengadakan sambutan di lima (5) lokasi mengikut zon dengan membawa lima fokus yang berbeza iaitu:
 - a. Zon Borneo – Sarawak = Kepimpinan dan Wanita Progresif
 - b. Zon Timur – Terengganu = Keselamatan dan Hak Asasi Wanita
 - c. Zon Selatan – Johor = Kesejahteraan dan Kesihatan Wanita

- d. Zon Tengah – Negeri Sembilan = Pemberdayaan dan Peluang
 - e. Sambutan pada hari ni merupakan penutup tirai Sambutan Hari Wanita Peringkat Zon Utara dengan fokus khas iaitu **Keterampilan dan Keyakinan Diri**.
7. Acara kemuncak Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 akan diadakan pada 8 Mac dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.
8. Pendekatan melaksanakan sambutan di lima zon berbeza ini dibuat bagi membolehkan lebih ramai wanita dari pelbagai negeri dan komuniti turut serta dalam sambutan ini di samping dan menyebarluaskan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap isu-isu berkaitan wanita.
9. Sambutan kali ini juga lebih istimewa kerana kita mendapat kerjasama sangat baik daripada pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri Perak terutamanya **YB Dato' Salbiah Binti Mohamed, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak** yang sudi menjadi rakan kolaborasi. Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Perak dan YB Dato Salbiah atas sokongan yang diberikan.
10. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan kolaborasi strategik iaitu **Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak)**,

SLAE Cosmetics, Naz Pastry Cake House, Amya Enterprise, Mama Keen Empire, Perniagaan HH 89, Shyamala Crochet Art Crochet, Inai Cubits HQ, Ceqbidan Spa & Bekam Penang, Era Edar Marketing, Serai Wangi dan Syarikat Minyak Afiat atas kerjasama dan tajaan bagi menjayakan sambutan pada hari ini.

(D) KETERAMPILAN DAN KEYAKINAN DIRI

Hadirin yang saya muliakan,

11. Setiap wanita adalah unik dengan personaliti dan identiti yang tersendiri. Persona wanita merangkumi pelbagai aspek, termasuklah nilai-nilai yang dipegang, minat, bakat, dan pengalaman hidup. Setiap wanita berhak untuk mengejar impian dan cita-citanya, tanpa mengira latar belakang atau kepercayaan. Jangan biarkan sesiapa pun, termasuk diri kita sendiri, mengehadkan potensi kita.

12. Saya percaya bahawa keterampilan dan keyakinan diri adalah dua elemen penting yang perlu dimiliki oleh setiap wanita untuk mencapai aspirasi mereka. Keterampilan merujuk kepada keupayaan, kecekapan, dan kemampuan yang dimiliki oleh seseorang individu, sama ada dalam bidang profesional, akademik, mahupun sosial.

13. Keyakinan diri pula adalah kepercayaan yang kuat terhadap diri sendiri untuk mencapai sesuatu matlamat. Wanita yang yakin diri mampu menghadapi cabaran, membuat keputusan yang tepat, dan mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi. Keyakinan diri adalah sesuatu yang kita bina, hari demi hari, melalui pengalaman, kejayaan, dan sokongan daripada orang terdekat di sekeliling kita. Oleh itu, saya menyeru semua wanita untuk sentiasa percaya kepada diri sendiri dan kemampuan yang dimiliki. Anda lebih kuat daripada yang anda fikirkan.
14. Wanita yang memiliki keterampilan dan keyakinan diri mampu untuk berdikari, membuat keputusan yang bijak, dan menghadapi cabaran dengan berani. Mereka juga mampu untuk memberikan sumbangan yang signifikan kepada keluarga, masyarakat, dan negara.
15. Selaras dengan itu, Kementerian ini telah memperkenalkan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) yang dilancarkan selepas Perdana Menteri memperuntukkan RM5 juta pada Hari Wanita Antarabangsa 2024. Program ini bertujuan untuk menangani jurang jantina dalam kepimpinan dengan mengalakkan penyertaan lebih ramai pemimpin wanita terutamanya di peringkat pembuat keputusan. Ia juga merupakan platform perkongsian ilmu dan kepakaran antara tokoh yang telah berjaya dan pemimpin pelapis

yang memerlukan pementoran dalam pelbagai bidang profesional. Menerusi Program PERANTIS, tokoh wanita atau wanita yang telah berjaya akan diberikan geran peruntukan untuk menjalankan program pembangunan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang. Pada tahun 2024, sebanyak 25 program pembangunan kepimpinan wanita dijalankan di seluruh negara melibatkan 1,247 peserta dengan peruntukan sebanyak RM1.2 juta.

16. Tahun ini, program PERANTIS menyasarkan 100 pemimpin wanita Malaysia, di mana setiap pemimpin akan menerima sehingga RM50,000 untuk program mereka. Hampir 5,000 peserta wanita yang dijangka menyertai program ini akan berpeluang mendapat bimbingan daripada pemimpin wanita berpengalaman, serta membina rangkaian profesional bagi memperkuuhkan perjalanan mereka dalam dunia kepimpinan.
17. Justeru, saya menyeru kepada wanita di Zon Utara ini untuk merealisasikan impian anda, mengembangkan potensi diri melalui program PERANTIS dan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh JPW di bawah KPWKM dan terus membina keterampilan baru dan melengkapi diri dengan kemahiran teknikal, kepimpinan, dan komunikasi berkesan. **Sekiranya berminat, anda boleh memohon melalui portal iwanita.my.**

(E) **HARAPAN**

Hadirin yang saya muliakan,

18. "Tangan yang menghayun buaian mampu menggongcang dunia". Pepatah ini menggambarkan betapa besarnya potensi dan peranan wanita dalam masyarakat. Kini, wanita bukan sahaja menghayun buaian tetapi memiliki kerjaya yang hebat. Penyertaan wanita boleh menyumbang kepada tadbir urus organisasi lebih baik termasuk proses membuat keputusan bagi memastikan keperluan wanita diambil kira.
19. Di samping itu, dalam melaksanakan tugasan serta peranan untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara, kadang-kadang kita sentiasa diduga dengan tekanan-tekanan yang mencabar kehidupan kita. Dalam keadaan tertentu, tekanan-tekanan ini juga akan memberi impak positif terhadap kejayaan seseorang wanita. Adakalanya dengan tekanan yang diterima akan menyebabkan wanita boleh bergerak ke peringkat yang lebih tinggi dengan mengambil cabaran tersebut secara positif.
20. Agenda memperkasakan wanita merupakan tanggungjawab semua bagi menggilap potensi wanita sebagai individu, pemimpin dan penyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial, keluarga, masyarakat dan negara. Pada kesempatan ini, saya menyeru agar kaum lelaki sentiasa mendokong usaha untuk memartabatkan wanita.

(F) PENUTUP

Para hadirin sekalian,

21. Akhir kata , saya ingin mengucapkan Selamat Hari Wanita kepada semua wanita. Saya percaya apabila wanita mula mengorak langkah tanpa sebarang diskriminasi, negara akan mendapat impak positif termasuk pertumbuhan ekonomi negara.
22. Saya juga sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang menjayakan penganjuran Majlis ini. Tidak dilupakan, rakan-rakan strategik dalam kalangan badan bukan Kerajaan, sektor swasta, ahli akademik dan agensi Kerajaan lain yang menyokong usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam agenda pemerkasaan wanita.
23. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Peringkat Zon Utara.

Sekian.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

26 FEBRUARI 2025